

# Pasaran pendapatan tetap ASEAN melonjak



Muhammad menyampaikan cenderahati kepada Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Investment Bank Berhad, John Chong sambil diperhatikan Pengerusi Cagamas Berhad, Datuk Ooi Sang Kuang (kiri) pada Sidang Kemuncak AFIS di Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO AZMAIDI ABIDIN/BH]

Pasaran produk kewangan berpendapatan tetap ASEAN berkembang lebih enam kali ganda sejak tahun 2000.

Ketika ini nilai pasaran berkenaan adalah AS\$1.1 trilion (RM3.58 trilion), manakala saiz pasaran bon mata wang tempatan ASEAN pula ialah lima kali lebih besar daripada bon dalam dolar AS yang dikeluarkan entiti ASEAN.

Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia, Datuk Muhammad Ibrahim, berkata kadar pertumbuhan tahunan dalam penerbitan bon mata wang tempatan ASEAN pula ialah 12.9 peratus sejak 2003, manakala pasaran individu serantau mengalami pertumbuhan antara 5.3 peratus hingga 42.2 peratus.

Beliau berkata, data itu me-

nunjukkan rantau ASEAN kian matang, berdaya tahan, dan memainkan peranan penting dalam pasaran bon domestik di setiap negara ahli.

"Angka itu menggalakkan dan segmen pertumbuhan baharu bagi pasaran bon ASEAN ialah pembiayaan infrastruktur," katanya sambil menambah pelaburan infrastruktur di Asia dianggarkan bernilai AS\$8 trilion (RM26.19 trilion) dalam dekad berikutnya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan pada Sidang Kemuncak Pendapatan Tetap ASEAN (AFIS) di Kuala Lumpur, semalam.

Muhammad berkata, pihaknya yakin pasaran bon ASEAN berupaya memainkan peranan besar dalam menyambungkan keperluan pembiayaan-

an jangka panjang.

## **Ekonomi lebih baik**

"Bukan saja ekonomi akan lebih baik dengan sumber dana baharu, tetapi juga risiko penggantungan kepada sektor perbankan semata-mata bagi pembiayaan jangka panjang akan dapat dikurangkan dengan ketara," katanya yang mengakui ia tidak terlepas daripada cabaran.

Beliau berkata, antara cabarannya ialah penyambungan kewangan antara pasaran pendapatan tetap ASEAN masih pada tahap rendah, manakala pelaburan serantau oleh pelabur ASEAN masih kecil.

Malaysia katanya, selaku pasaran pendapatan tetap terbesar di ASEAN, menyaksikan perkongsian saksama pema-

bitan dan pelaburan bukan dalam kalangan penduduk setempat, sungguhpun mencatat pertumbuhan, pembabitian dari negara ASEAN lain di negara ini adalah terhad.

Sehubungan itu, katanya adalah perlu diperkukuhkan integrasi kewangan serantau dan mengatur strategi ke arah pasaran kewangan ASEAN yang lebih dinamik.

Muhammad berkata, antara cadangan dan idea diketengahkan ia perlu melaksanakan rangka kerja serantau untuk saling menerima kelulusan bidang kuasa domestik dikalangan negara ASEAN.

Usaha itu katanya, harus disegerakan bagi memberikan keanjalan dan mempercepatkan proses penerbitan bon rentas sempadan.

## **Jana pembiayaan jangka panjang**

Antara manfaatnya ialah penerbit bon ASEAN berupaya menjana pembiayaan jangka panjang dalam mata wang tempatan bukan saja daripada pelabur huluhan tetapi juga merentas rantau ini, sekali gus memberi penerbit akses kepada asas pelabur yang lebih luas, katanya.

Selain itu, beliau berkata, satu lagi langkah berani ialah menerima penarafan kredit yang diberikan agensi penarafan kredit tempatan bagi penerbitan bon atau sukuk dalam mata wang tempatan.